



AJONG ANAK SIDIM

KANCIL BUMI KENYALANG

Oleh: Mohd Ghazali Tocheh

SEJAK kecil lagi titian hidupnya penuh dengan ranjau berbisa yang mengancam sengit perkembangan fizikal, emosi dan mindanya. Namun berkat pertolongan mereka yang simpati dan menyayanginya, segala kepayahan itu terhinder daripada menjepit hidupnya. Pengalaman-pengalaman getir yang menyengat sengit titian hayatnya menjadikan dia cepat matang dan dewasa sebelum usia. Sesudah mengenal diri dan kehidupannya, dia pantas mengorak langkah memulakan perjuangannya mencorakkan masa depan sendiri. Di samping pengalaman sendiri, tindakannya menguasai ilmu pengetahuan sebanyak boleh merupakan antara lain platform, methodologi dan logistik berkesan ke halanya melonjakkan diri ke tahap eksklusif.

Padanya kebahagiaan hidup yang disediakan Tuhan adalah hak milik bersama setiap makhluk yang menghuni dunia. Justeru itulah kecacatan penglihatan yang dialaminya bukan halangan atau sekatan baginya bersaing dengan insan celik untuk merebut segala peluang terbuka menjurus memenuhi idaman. Berasaskan falsafah itulah, dia tidak henti-henti belajar dan mengeksploitasi setiap sumber dan teknologi ilmu walaupun terpaksa meraut masa sehingga berpuluh tahun lamanya sebelum menempa kecemerlangan dan kerjaya gemilang lagi terbilang.

Dia mula menapak hidupnya di Kuala Lumpur sejak awal tahun 1970 lagi. Sebahagian besar titian hayat, personaliti dan prestij dirinya mula bersemi dan berkembang di sini. Kalau tidak keterlaluan, dirinya bolehlah dianggap penduduk kekal Kuala Lumpur. Sejak kehadirannya di bandaraya metropolitan dan eksklusif ini, titian hidupnya seharian padat dengan kegiatan pembelajaran dan pelajaran. Walaupun sibuk saban hari, dia masih berkesempatan bersama-sama rakan senasib di dalam badan-badan sukarela yang memperjuangkan kepentingan dan kebajikan orang-orang cacat penglihatan keseluruhannya. Sehingga kini dia masih lagi kekal sebagai ahli biasa pada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM) Cawangan Kuala Lumpur/Selangor yang dianggotainya sejak hujung tahun 1970an lagi. Sepanjang menganggotai Pertubuhan itu, dia pernah dipilih dan dilantik sebagai Pengerusi selama setahun pada awal tahun 1980an.

Ibunya orang suku-kaum Bidayuh (Land Dayak) berasal dari Kampung Dusun, Kuching, Sarawak. Ayahnya berketurunan Tionghua berasal dan peniaga di Bandar Kuching. Kerana jodoh kedua ibu dan bapanya tidak panjang dan selepas ibu dan ayahnya bercerai ketika umurnya lebih setahun, Sek Han Chu telah dibawa balik ibunya ke kampung. Walaupun dirinya 3 orang adik-beradik sahaja, kakaknya yang sulung ditinggalkan ibu pada ayah sementara adiknya yang bongsu meninggal dunia semasa kecil lagi.

Setelah umurnya lebih kurang 3 tahun di ketika seluruh penduduk kampung diserang sejenis wabak penyakit mata, dia turut tidak terkecuali ditimpa musibah tersebut. Disebabkan penyakit mata yang dihidapinya gagal dirawat secara tradisional, ibu berusaha keras untuk segera membawanya ke hospital di Kuching. Kerana masalah pengangkutan di samping terpaksa menaiki perahu hingga 12 jam walaupun jauhnya hanyalah 25 batu, pemergiannya ke Hospital Kuching tertangguh beberapa kali. Sesudah berjaya dibawa ke hospital, dia terpaksa pula ditinggalkan ibu bersendirian di situ. Selepas 2 bulan menerima rawatan rapi dan lanjut dan penyakit mata yang dihidapinya sembuh, dia dijemput ibu untuk dibawa balik ke kampung di dalam keadaan daya pandangan kedua-dua matanya sudah jauh berkurangan berbanding semasa dia sihat penglihatan. Namun dia masih beruntung kerana dengan daya penglihatannya yang terhad itulah membolehkannya bergerak sendirian dan mengenal suasana.

Setelah usianya melewati batas 7 tahun dan mendapati kesemua rakan sebaya ke sekolah, dia meminta izin ibunya untuk pergi belajar. Berbekalkan sebuah buku tulis dan sebatang pensil, pada tahun 1964 dia memulakan pelajarannya di Kampung Dusun Primary School di dalam Darjah Satu. Baru beberapa bulan belajar, dia terasa bosan dan jemu. Sudahlah dia gagal sama sekali mengikuti pelajaran di papan hitam, kesemua pelajaran yang disampaikan guru gagal diikutinya penuh tumpuan. Ini disebabkan dia ditempatkan di meja barisan terkebelakang sekali di dalam kelas. Akhirnya dia ambil keputusan untuk tidak ke sekolah lagi.

Selepas itu dia sentiasa bersama-sama ibu di rumah. Pada suatu hari ibu mengajaknya pergi ke Kampung Benguh yang jauhnya kira-kira sejam perjalanan dengan menaiki perahu dari kampung mereka. Maksud ibu ke sana untuk melangsungkan upacara perkahwinan dengan seorang lelaki di kampung itu. Walaupun dirinya masih anak-anak lagi, tindakan ibu begitu

langsung tidak dihalangnya malahan direstunya sepenuh hati.

Tindakan ibu berkahwin lagi semata-mata untuk mengelakkan tercetusnya konflik sesama keluarga. Ini disebabkan suami pada ibu saudaranya yang dipanggil Makcik Saung (kakak pada ibunya) pernah membentangkan hasrat untuk mengambil ibu sebagai isteri. Bagi membolehkan hajatnya terkabul, pernah didengarinya suami pada Makcik Saung menyuarakan kesediaan membunuh Makcik Saung dan anak-anak dengan meracun mereka semua. Justeru itulah ibu ambil keputusan untuk segera berkahwin lagi untuk mengelakkan insiden buruk dan tidak berperikemanusiaan itu daripada tercetus. Keputusan yang diambil ibu itu rupa-rupanya membenihkan dendam yang tidak bertepi di lubuk hati suami pada Makcik Saung.

Pada hari pemergian ibu ke Kampung Benguh untuk berkahwin lagi, walaupun ibu memaksanya supaya ikut bersama, dia tetap membantahnya keras dan enggan mematuhiinya sama sekali. Selang sejurus sesudah ibu dan rombongan meninggalkan pengkalan Kampung Dusun menuju ke Kampung Benguh, dia diberi khabar bahawa ibu sudah meninggal dunia akibat ditembak di kepala. Dia juga diberitahu bahawa orang yang menembak ibunya ialah suami pada Makcik Saung. Suami pada Makcik Saung turut mati ekoran tindakannya menembak diri sendiri selepas ibu menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Sesudah ketiadaan ibu, bapa saudaranya Sidim Anak Dasin mendaftarkannya sebagai anak angkat dengan pihak berkenaan Jabatan Pendaftaran setempat. Namanya Sek Han Chu turut ditukar kepada Ajong Anak Sidim untuk menentukan kehidupannya benar-benar dilindungi dan terbela. Namun belum pun lama dia menjadi anak angkat, bapa saudaranya itu meninggal dunia akibat sakit tua. Berikutan itu dia telah diambil dan dipelihara pula oleh Makcik Saung. Ketika itu dirinya sudahpun di usia 8 tahun. Sesudah dirinya di bawah penjagaan Makcik Saung

anak-beranak, kehidupannya benar-benar bercahaya dan terbelas. Bukan sekadar makan-minum, pakai-patut dan kebajikannya sahaja, kasih-sayang mereka anak-beranak pun turut menyelubungi suasana hidupnya sepanjang masa.

Sek Han Chu @ Ajong Anak Sidim dilahirkan pada 25 Mac 1956 di Bandar Kuching, Sarawak. Setelah kematian ibu dan bapa saudara dan sesudah tinggal bersama Makcik Saung anak-beranak, dia terus menjalani kehidupannya seperti biasa walaupun sudah cacat penglihatan. Di samping bekerja saban hari memproses dan menyediakan makanan ternakan seperti babi dan ayam, dia juga turut berkesempatan bercampur-gaul dengan rakan-rakan sebaya sehaluan. Suasana hidupnya tambah ceria lantaran rakan-rakan sebaya simpati dan memahami akan kekurangan yang dialaminya. Dia merasa amat beruntung dan bertuah kerana dirinya tidak pernah disingkirkan rakan-rakan sama ada sewaktu mereka bermain, bersiar-siar dan lain-lain aktiviti kegemaran bersama.

Sewaktu dia seronok memancing bersama sepupunya di sebatang sungai di kampung mereka pada suatu hari, dia didatangi Pegawai Daerah yang melawat ke kampung itu. Dia ditawarkan oleh Pegawai Daerah itu untuk pergi belajar di sekolah yang sesuai. Apabila disuarakannya bahawa tiada tempat untuknya di sekolah lantas Pegawai Daerah itu menafikannya mesra dan sekeras-kerasnya. Sebaliknya Pegawai Daerah itu menerangkan padanya bahawa sudah ada kemudahan khas disediakan kerajaan untuk memberi pelajaran pada orang-orang cacat penglihatan sepertinya. Selain daripada guru-gurunya dilatih khusus di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur, buku-buku teks dan rujukan pelajaran di dalam huruf-huruf Braille turut disediakan. Apabila diusulnya apa yang dimaksudkan dengan Braille, Pegawai Daerah itu menerangkan bahawa Braille adalah tulisan-tulisan timbul untuk bacaan orang-orang cacat penglihatan sepertinya.

Selepas menerima maklumat demi maklumat, keinginannya untuk belajar kembali bertunas dan berkobar-kobar dalam dada. Selepas memikirkannya beberapa lama, akhirnya dia memutuskan untuk pergi belajar demi mencerahkan masa depan dan hari mukanya. Sedang minat dan kesungguhannya bernyala-nyala dalam dada, Makcik Saung pula bersungguh-sungguh menahannya pergi. Makcik Saung khuatirkan hidupnya disakiti dan dipersia-siakan sesudah berada di perantauan. Hasil pujuk-rayu dan selepas diterangkannya dengan teratur hingga menyakinkan, Makcik Saung akhirnya membenarkannya pergi sesudah dia berjanji setiap kali cuti persekolahan yang panjang dia pasti balik ke kampung.

Pada awal tahun 1965 ketika umurnya 9 tahun, dia dengan diiringi Pegawai Daerah berkenaan pergi ke Pusat Latihan Untuk Orang-orang Buta Sarawak (PLOBS), Kuching untuknya memulakan penghidupan baru. Selepas sebulan tinggal di PLOBS, dia dipindahkan pula ke Kapit dan dimasukkan ke Darjah Satu di Methodist Primary School di situ. Sebaik memulakan persekolahan, segala yang pernah diterangkan Pegawai Daerah padanya benar-benar wujud dan dialaminya. Bukan penginapan, makan-minum dan segala keperluannya sahaja, kemudahan belajar dan pembelajarannya juga turut tersedia belaka dan menyeronokkannya. Bukan suasana di sepanjang pembelajaran sahaja meriangkan, semangat dan daya saingnya yang tinggi untuk berjaya di dalam alam persekolahan terus memuncak dan sehati di jiwa.

Dia belajar bersekali dengan rakan-rakan sebaya yang celik. Selepas beberapa lama belajar bersama-sama mereka, barulah diketahuinya bahawa dia menduduki kelas di bawah Program Percantuman (Intergrated Programme) yang diwujudkan oleh pihak berkuasa pendidikan di sekolah itu. Pembelajarannya tambah bersemangat dan terangsang sesudah diketahuinya ada rakan-rakan lain senasibnya turut belajar sekelasnya. Sebilangan daripada

mereka berasal jauh di pedalaman. Guru-guru yang mengajar pula terdiri daripada mereka yang cukup terlatih dan didatangkan khas dari Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras, Kuala Lumpur. Berkat kesungguhannya, tahun demi tahun prestasi pencapaian pembelajarannya terus meningkat dan menggalakkan. Disebabkan pihak sekolah mahukannya meneruskan pelajaran ke peringkat menengah berasaskan prestasi pencapaiannya yang menyakinkan di samping faktor usia yang sudah meningkat, tempoh pembelajarannya disingkatkan daripada enam tahun kepada lima tahun sahaja. Namun sebelum meneruskan pelajarannya ke sekolah menengah, dia dan rakan-rakan senasib dikehendaki terlebih dahulu menduduki Peperiksaan Common Entrance of Examination.

Apabila keputusan peperiksaan tersebut diumumkan, dia bukan hanya lulus tetapi turut mendapat tajaan pelajaran daripada Rottery Club Sibu untuknya melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di St. Xavier's Institution, Pulau Pinang. Pada tahun 1970 dia memulakan persekolahannya di situ sementara kemudahan penginapan, makan-minum dan lain-lain keperluan dipusatkan di St. Nicholas School, Pulau Pinang. Selama belajar di St. Xavier's Institution, kelancaran dan keseronokannya belajar sering tersangkut-sangkut. Ini disebabkan kesukaran dan kekurangan buku-buku teks dan rujukan Braille. Namun itu bukanlah alasannya untuk tidak mahu belajar bersungguh-sungguh. Pada tahun 1972 semasa di Tingkatan Tiga, dia bersama rakan-rakan sekelas menduduki peperiksaan Lower Certificate of Education (LCE). Selesai menduduki peperiksaan itu sementara menunggu keputusannya, dia telah dihantar balik ke Sarawak dan ditempatkan di PLOBS, Kuching.

Selepas keputusan peperiksaan itu diumumkan dan sedang dia gembira meraikan kejayaannya, dia diberitahu bahawa penajaan pelajarannya oleh Rottery Club Sibu sejak di Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Tiga telah ditarik balik dan ditamatkan. Ekoran itu pihak PLOBS turut enggan menghantarnya balik ke Pulau Pinang untuk membolehkannya meneruskan

pelajaran ke Tingkatan Empat. Di samping itu pihak tertinggi PLOBS juga persis cuba melemahkan semangatnya untuk tidak belajar lagi. Kelulusan LCE yang diraihinya sudah lebih daripada memadai, itulah kata-kata yang dihamburkan pegawai tertinggi PLOBS di depannya persis memintanya supaya melupakan sahaja hasratnya untuk melanjutkan pelajaran. Walaupun amat kecewa dengan perkembangan yang berlaku, dia tidak mudah patah semangat dan mengalah jauh sekali berputus asa. Secara senyap-senyap dia keluar meninggalkan PLOBS dan bertindak sendiri mencari penaja yang sudi membantunya.

Rajin dan usaha itu tangga kejayaan, kata-kata hikmat ini benar-benar serasi dengan apa yang sudah dikerjakannya. Selepas mengunjungi beberapa institusi pilihannya, akhirnya pihak Methodist Wesley Church, Kuching telah bertemu dengan pihak PLOBS. Hasil daripada perbincangan yang diadakan, pihak PLOBS bersetuju menghantarnya semula ke Pulau Pinang untuknya meneruskan pelajaran di St. Xavier's Institution. Selepas dua tahun menyambung pelajaran dan pada tahun 1974 semasa berada di Tingkatan Lima, dia dan rakan-rakan sekelas menduduki pula peperiksaan Malaysian Certificate of Education. Dia hanya meraih Gred Tiga di peringkat sijil tersebut apabila keputusannya diumumkan.

Disebabkan gagal meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi, dia mengambil keputusan balik semula ke Sarawak. Atas daya usaha dan inisiatifnya sendiri, pada tahun 1975 dia berjaya menyandang jawatan Guru Sambilan di Primary Methodist School Kapit. Serentak itu pula dia memohon memasuki mana-mana Maktab Perguruan negara tetapi gagal. Selepas lebih kurang setahun berkhidmat di Primary Methodist School Kapit, dia memohon masuk ke Gurney Training Centre For The Blind (GTC), Malaysian Association For The Blind (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur melalui PLOBS dan jabatan kebajikan masyarakat berkaitan.

Dia diterima masuk ke GTC, MAB pada Januari 1976 dan menduduki Kursus Jurutrengkas yang merangkumi menulis trengkas Braille dan menaip. Di samping itu dia juga turut dibimbing dan dilatih menggunakan tongkat putih secara betul di atas jalan raya. Seperti rakan-rakan sepelatih lain, dia juga dikehendaki mengikuti setiap kegiatan/aktiviti yang diwujudkan di GTC, MAB sebagaimana yang dijadualkan. Di samping kursus utamanya, dia juga berkesempatan menduduki Kursus Telefonis secara tidak formal. Berkaitan dengan segala keperluan asas seperti penginapan dan makan-minum termasuk juga kelengkapan dan peralatan latihan, semuanya disediakan percuma dan diseliakan oleh pihak berkuasa GTC, MAB sepenuhnya. Dia dan pelatih-pelatih seangkatan juga turut menerima sejumlah wang saku setiap bulan.

Seharusnya selepas dua tahun sesudah menamatkan latihannya di GTC, MAB pada Disember, 1977, dia kenalah balik ke Sarawak sementara menunggu peluang pekerjaan yang diurus dan bakal ditawarkan padanya oleh pihak berkaitan di MAB. Dia tidak berbuat demikian. Sebaliknya dia berusaha sendiri mendapatkan sebarang pekerjaan sesuai di sekitar Kuala Lumpur atau Petaling Jaya. Apa yang diharap-harapkannya menjadi kenyataan apabila salah sebuah Kelab Hiburan di Bangsar Baru menawarkannya kerjaya sebagai Penyanyi secara kontrak selama enam bulan dengan bayaran RM600.00 sebulan. Ekoran tawaran itu diterimanya, dia terus tinggal menyewa bilik bersama-sama rakan senasib yang lain di Brickfields, Kuala Lumpur. Dengan pendapatannya itulah digunakan sepenuhnya untuk menampung segala keperluan hidup seharian termasuklah juga bayaran sewa penginapan.

Selepas menamatkan kontrak sebagai Penyanyi, dia mengambil keputusan muktamad untuk meneruskan hidup di Kuala Lumpur. Dia begitu yakin bahawa sumber kehidupannya di Kuala Lumpur lebih cerah berbanding dia balik ke Sarawak. Lagi pula dia sudah ada

perancangan sendiri untuk meneruskan hidup di Kuala Lumpur. Dia akan berjualan produk-produk makanan ringan di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya atau di mana sahaja. Untuk menjadi seorang penjual produk-produk yang ditentukan, dia tidak perlu mengeluarkan modal sama sekali selain daripada tenaganya cuma. Pembekalnya di kalangan rakan senasib hanya mengkehendaki dia menjual barang-barang pada harga yang munasabah dan hanya mengembalikan kos modal sahaja bagi setiap kuantiti produk yang sudah dijual sementara keuntungannya adalah miliknya sepenuhnya.

Mulai tahun 1978, dia menjalani kehidupan dengan menjual barangan makanan ringan berbungkus kemas dan menarik yang mudah diangkut ke mana sahaja seperti kacang-kacang, gula-gula, coklat-coklat, biskut-biskut dan asam-asam. Selain daripada Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, dia turut berjualan ke seluruh negari dan di mana sahaja jualanannya sedia dibeli umum. Untuk menentukan pelanggannya berterusan, dia menjual barangan dagangannya pada harga yang munasabah dan berpatutan. Setiap kali keluar pergi berjualan, dia puas dengan hasil kerjanya. Purata imbuhan yang diraih menjangkau lebih seribu ringgit sebulan. Namun amat disedarinya bahawa pendapatan kerjayanya yang diusahakannya kini pasti tidak kekal lama.

Sedang tekun memikirkan masa depan sendiri bersungguh-sungguh, dia telah ditawarkan jawatan Operator Telefon di Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, Kuala Lumpur dan memulakan tugasnya pada awal tahun 1980 dengan gaji RM220.00 sebulan. Disebabkan gaji yang ditawarkan tidak menarik ditambah lagi tugas-tugas yang dijalankan cepat menjemukannya, tanpa berfikir panjang lagi dia mengambil keputusan meletak jawatan dua puluh empat jam selepas sebulan berkhidmat. Ekoran tindakan drastiknya itu, gajinya selama tempoh perkhidmatannya itu tidak layak dibayar majikan padanya. Untuk menyambung hidup, dia kembali berjualan produk-produk makanan ringan seperti sebelumnya di samping memohon

jawatan-jawatan sesuai di berbagai sektor awam dan swasta. Belum pun dua bulan berjualan, Sime Darby Berhad menawarkannya jawatan Telefon Operator dengan gaji RM270.00 sebulan dan dia memulakan tugasnya pada 13 Mac 1980.

Setelah memulakan khidmatnya di Sime Darby Berhad, Kuala Lumpur, dia mula memikirkan dengan lebih serius ke hala meningkatkan dirinya di bidang kerjaya. Pada awal tahun 1981, dia menduduki Pengajian Diploma Pemasaran anjuran London Chambers Of Commerces Industries secara kelas malam di Stamford College, Petaling Jaya. Selepas setahun belajar malam, dia meraih kejayaan di bidang tersebut. Berikutan itu dia memohon jawatan sesuai di Marketing Personnel Devision majikannya. Sesudah ditemuduga di Human Resource Unit, majikannya komited bakal menawarkannya jawatan sesuai sejajar kelulusan terkini yang diraihnya. Selepas menunggu beberapa lama, dia dimaklumkan bahawa tiada jawatan sesuai untuk ditawarkan padanya. Sebagai pengiktirafan kelayakannya yang terkini, majikannya telah menaikkan sebanyak RM125.00 pada gaji yang diterimanya setiap bulan dengan mengekalkan khidmatnya sebagai Telefon Operator.

Walaupun dihargai, dia masih belum berpuashati lagi dengan perkembangan tersebut. Dia tetap berazam untuk mempertingkatkan lagi taraf kelayakan akademik dan profesional yang mampu menempatkan dirinya di kedudukan yang lebih berprestij, berwibawa dan dihormati. Sejalan cita-citanya yang berkobar-kobar itulah, pada tahun 1997 dia menduduki Pengajian Undang-undang Peringkat A Level anjuran University Of London di Kobearium College, Petaling Jaya secara sambilan (kelas malam). Setelah berjaya pada peperiksaan di peringkat tersebut, mulai tahun 1998 dia menempa kejayaan lagi setelah lulus di dalam Entermediate Of Examination dan pada tahun 1999 dia melanjutkan lagi pengajiannya di peringkat Ijazah Bidang Undang-undang di kolej yang sama.

Walaupun terpaksa mengeluarkan wang sendiri hingga melebihi lima ribu ringgit setahun bagi membiayai pengajiannya, dia tidak teragak-agak membelanjakannya demi memperjuangkan cita-cita dan hari mukanya yang lebih cemerlang dan gemilang. Untuk menjaminkan prestasi pengajiannya terus meningkat dan berjalan lancar, sewaktu di tahun tiga pengajiannya dia telah bertukar tempat belajar ke Brickfields College, Kuala Lumpur. Walaupun berjaya mengikuti kuliah tepat pada waktunya disebabkan kediaman dan kolej tempatnya belajar berada di dalam lokasi yang sama, timbul pula masalah kewangan yang membebankan hingga menggugat tumpuannya belajar. Di samping terpaksa membiayai pengajian, dia turut bertanggungjawab memastikan sara hidup dan keperluan keluarganya tidak terjejas. Untuk menjimatkan belanja, dia mengambil keputusan belajar sendiri di tahun empat pengajiannya di rumah sahaja.

Setelah keputusan peperiksaan akhir pengajian yang didudukinya pada hujung tahun 2002 di Bahagian University Of London, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur diumumkan, dia berjaya merangkul Ijazah Undang-undang. Berikutan itu, dia mengemukakan permohonan kepada majikannya untuk mendapatkan jawatan setaraf dengan kelulusannya yang terkini. Pihak majikannya memberi perhatian segera dan mempertimbangkan permohonannya dengan serius dan saksama. Selepas berbincang tentang segala alat kelengkapan dan keperluan kerjanya seperti komputer bersuara, alat membaca bersuara dan lain-lain yang mesti dibekalkan padanya, pada 10 Mac 2003 dia akhirnya dilantik ke jawatan Eksekutif Undang-undang (Legal Executive). Turut diambil tindakan oleh pihak majikannya termasuklah membayar balik 75% daripada keseluruhan perbelanjaan pengajiannya selama empat tahun. Buat masa ini dia sudah pun dibayar gaji melebihi tiga ribu ringgit sebulan sejajar dengan tugas yang dilaksanakannya.

Antara tugas-tugasnya termasuklah memproses dan menyediakan dokumen-dokumen

seperti *Tenancy Aggrement, Cooperation Aggrement, Distribution Aggrement*, surat-menyurat, memberi khidmat nasihat dan lain-lain yang berkaitan. Walaupun beban tugasnya berat dan mencabar, itu semua tidak menggugat keceriaannya menjalankan tanggungjawab dengan cekap dan sempurna. Dia semakin gembira dengan kerjayanya lantaran setiap tugas yang dilaksanakannya mendapat kepercayaan dan pengiktirafan semua pihak termasuk rakan sebaris lebih-lebih lagi daripada Ketua-ketua Jabatan. Biarpun beban tugasnya sentiasa bertambah dari semasa ke semasa, segalanya itu disempurnakannya dengan berkesan, cekap dan cemerlang.

Dia mula balik ke kampungnya bersama perubahan diri dan gaya hidup yang eksklusif selepas beberapa lama memulakan kerierinya sebagai Telefon Operator di Sime Darby Berhad. Namun pada era persekolahannya di peringkat rendah dan menengah, setahun sekali dia tetap dihantar balik ke kampungnya di Sarawak atas biaya pihak berkuasa. Makcik Saung yang sememangnya sayang padanya begitu bangga dengan perkembangan gaya hidupnya yang mengharumkan nama keluarga. Dia sememangnya insan yang bijaksana menilai setiap budi, jasa dan pengorbanan orang-orang yang melindungi dan menyayangnya sesudah hidupnya sebatang kara sejak kecil lagi lebih-lebih lagi pada Makcik Saung. Justeru itulah dia tidak lupa memperuntuk dan menghulur sejumlah wang pada Makcik Saung setiap kali dia balik ke kampung. Namun atas kehendak Yang Maha Berkuasa dan sedang dia seronok bersama ibu saudaranya tersayang, Makcik Saung menemui ajalnya pada tahun 2000 selepas menghadapi penyakit barah buat beberapa lama. Walaupun sedih dengan kepergian ibu saudaranya yang tersayang buat selama-lamanya, dia tetap bersyukur dan insaf lantaran sempat hidup bersama dan membalas jasa walaupun sekelumit.

Dia mendirikan rumahtangga pada 13 Mei 1986 di Kuala Lumpur dengan seorang gadis Tionghua berasal dari Taiping, Perak. Perkenalan dengan isterinya bermula sejak tahun 1981

lagi menerusi kakak iparnya yang menjadi ahli bersekutu pada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM). Dari setahun ke setahun, kemesraan mereka terus intim hingga membenihkan perasaan cinta dan kasih sayang sejati. Akhirnya tanpa disedari mereka sudah saling bantu-membantu dan perlu-memerlukan di antara satu sama lain hingga membawa ke alam rumahtangga. Carol Chuah Lian Siok dilahirkan pada 31 Mei 1957 juga ahli bersekutu pada SBM sejak tahun 1980an, itulah nama gadis bertuah yang menjadi pasangan hidup dan isterinya sehingga kini. Buat masa ini, isterinya sedang rancak berkhidmat di Daimler Chrysler iaitu salah sebuah syarikat mengedar kereta berjenama Mercedes di Kuala Lumpur.

Sejak hidup sebumbung sehingga kini, mereka sudah dianugerahi tiga orang cahaya mata. Laura Mei Ding (perempuan), itulah nama anak pertama mereka yang dilahirkan pada 13 Januari 1988. Anak mereka yang kedua bernama Olivia Mei Chen (perempuan) dilahirkan pada 9 Jun 1990. Heinz Hock Hin (lelaki) anak mereka yang ketiga dilahirkan pada 29 April 1995. Anak-anak mereka yang pertama dan kedua sedang rancak belajar di Tingkatan Empat dan Tingkatan Dua masing-masingnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Vivekananda, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, Kuala Lumpur. Anak mereka yang ketiga sedang rancak belajar di Tahun Dua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Kuen Cheng, Jalan Belfield, Kuala Lumpur.

Selepas berkahwin pada tahun 1986, dia dan isterinya berpindah tinggal di premis kediaman adik iparnya di Bangunan Sri Layang, Jalan Tambi Abdullah, Brickfields, Kuala Lumpur. Pada awal tahun 1990, dia sekeluarga berpindah ke rumah mereka sendiri yang dibelinya menerusi pinjaman bank di Pangsapuri Bangsar Utama. Belum pun setahun tinggal di situ dan disebabkan kediaman tersebut kurang selesa dan memuaskan, dia menjualnya dan berpindah lagi dan tinggal semula bersama adik iparnya di Bangunan Sri Layang, Brickfields.

Dalam masa yang sama, menerusi pinjaman bank juga dia telah membeli kediaman yang baru di Blok C, 1011, Pangsapuri Palm Court, Brickfields, Kuala Lumpur. Namun kediaman yang dibelinya itu tidak segera diduduki sebaliknya disewakannya. Ini disebabkan adik iparnya yang tinggal bersendirian di Bangunan Sri Layang memintanya sekeluarga jangan berpindah buat sementara waktu. Hanya pada tahun 1999 sahaja, barulah dia sekeluarga berpindah dan menetap di rumah yang dibelinya di Palm Court sehinggalah sekarang.